

Headline	Celcom tawar RED iPhone 7		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	31 Mar 2017	Color	Full Color
Section	Ekonomi	Circulation	171,663
Page No	17	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	129 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,573
Frequency	Daily	PR Value	RM 7,719



Celcom tawar RED iPhone 7

KUALA LUMPUR 30 Mac - Celcom Axiata Bhd. (Celcom) mengumumkan tawaran *bundle* bagi peranti edisi istimewa RED iPhone 7 & iPhone 7 Plus dengan pelan *Celcom FIRST Gold Plus* dan *First Platinum* yang memberikan data sehingga 40GB dan 60GB bermula esok.

Timbalan Pegawai Eksekutif Operasi Perniagaan Celcom, Azwan Khan Osman Khan berkata, edisi istimewa RED diperkenalkan bagi menyambut ulang tahun ke-10 kerjasama antara Apple dan RED serta membolehkan pelanggan menyumbang kepada dana global untuk generasi yang bebas penyakit AIDS.

Katanya, Celcom bangga untuk turut serta dan menyokong inisiatif yang diperkenalkan Apple dan RED melalui penjualan peranti istimewa berkenaan.

“Kami teruja membawakan edisi istimewa RED iPhone 7 & iPhone 7 Plus yang

turut disertakan dengan pelan data daripada *Celcom FIRST*,” katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Tambahnya, pelanggan boleh membuat tempahan RED iPhone 7 & iPhone 7 Plus bermula esok di cawangan Blue Cube di seluruh negara serta rakan Celcom terpilih.

“Pelanggan juga boleh melayari laman web Celcom dan Apple untuk maklumat lanjut berkenaan produk dan pelan,” katanya.

Apple iPhone 7 dikuasakan oleh cip pemrosesan empat teras, Apple A10 Fusion. Cip baharu itu berkali-kali ganda lebih pantas berbanding cip sebelumnya serta dapat membuat bateri bertahan lebih lama.

Sokongan grafik pada A10 juga lebih baik berbanding

A9 sekali gus membolehkan pengguna menikmati pelbagai kandungan dengan baik dan lancar.



EDISI istimewa RED iPhone 7 & iPhone 7 Plus.